



#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj Kami : Bil (1) MDCH.JKP.500 – 3/1/1
Tarikh : 08hb Jan 2020
12hb Jammadil awal 1441

Seperti edaran,

Tuan,

IKLAN JAWATAN KOSONG DI MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Cameron Highlands akan membuat pengisian jawatan kosong bertaraf Kontrak untuk perkhidmatan seperti iklan .
3. Sehubungan dengan itu, mohon kebenaran pihak tuan untuk mempamerkan iklan tersebut di Papan Kenyataan di Jabatan tuan bagi tujuan makluman kepada orang awam.
4. Kerjasama dan keperihatinan pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “
“ KEPUASAN PELANGGAN KEBANGGAAN KAMI “

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN MD AMIN.,DIMP.,AMP)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Cameron Highlands

“ RASUAH ADALAH JENAYAH ”
#strongertogether

1. **Universiti Teknologi Mara (UiTM)**
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
2. **University Teknologi Mara Cawangan Perak**
Bandar Seri Iskandar
32610 Seri Iskandar
Perak
3. **Politeknik Kota Bharu**
Km 24, Kok Lanas
16450 Ketereh
Kelantan
4. **Universiti Malaysia Pahang**
Gambang Kampus
Lebuhraya Melayu Gambang
26300 Gambang
Kuantan Pahang
5. **Universiti Teknologi Malaysia**
Jalan Sultan Yahya Petra
Kampong Datuk Keramat
54100 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur





**MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan **KEUTAMAAN KEPADA RAKYAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR YANG BERKELAYAKAN SAHAJA** untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :-

A. JAWATAN	:	PENOLONG JURUUKUR BAHAN
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
GREED	:	JA 29
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
JUMLAH KEKOSONGAN	:	SATU (1) KEKOSONGAN JAWATAN

SYARAT LANTIKAN :-

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
[Gaji Permulaan ialah pada Gred JA29 : RM 1,549.00]
 - b) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan ialah pada Gred JA29 : RM 1,935.02]
 - c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab mengendali pelaksanaan skop kerja ukur bahan berhubung pentadbiran kontrak termasuk menyediakan anggaran kos awal, membuat pengukuran kuantiti (taking off), menyediakan dokumen tender dan kontrak, menyedia perakuan bayaran interim, menyedia arahan perubahan kerja, perakuan akuan dan bayaran muktamad, mengemaskini sijil – sijil dan perakuan yang berkaitan dan menjalankan tugas – tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

B. JAWATAN	:	PEMBANTU KEMAHIRAN (MEKANIK KERETA MOTOR)
KLASIFIKASI PERKHID	:	KEMAHIRAN
GRED	:	H 19
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
JUMLAH KEKOSONGAN :		SATU (1) KEKOSONGAN JAWATAN

SYARAT LANTIKAN :-

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan; **[Gaji awal bermula pada Gred H19 iaitu RM 1,377.00] ; atau**
 - b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Dua dalam bidang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji awal bermula pada Gred H19 iaitu RM 1,435.12] ; atau**
 - c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau yang setaraf dengannya dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji awal bermula pada Gred H19 iaitu RM 1,435.12] ; atau**
 - d) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau yang setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Tiga dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **[Gaji awal bermula pada Gred H19 iaitu RM 1,493.24].**
 - e) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau yang setaraf dengannya dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. **[Gaji awal bermula pada Gred H19 iaitu RM 1,493.24].**
 - f) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - g) Keutamaan kepada calon dalam bidang mekanik motor.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan kerja – kerja di Bahagian Logistik menyelia pemandu, menyediakan laporan bulanan/ tahunan penggunaan bahan api dan penyelenggaraan kenderaan dan pemeriksaan/ penyelenggaraan kecil keatas kenderaan jabatan dan menjalankan tugas – tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

C. JAWATAN	:	PEMBANTU PENILAIAN
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEWANGAN
GREED	:	W19
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
JUMLAH KEKOSONGAN	:	DUA (2) KEKOSONGAN JAWATAN

SYARAT LANTIKAN :-

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut.
[Gaji awal bermula pada Gred W19 iaitu RM 1,353.00] ; atau
 - b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
[Gaji awal bermula pada Gred W19 : RM 1,409.40] ; atau
 - c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji awal bermula pada Gred W19 : RM 1,465.80]
 - d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - e) Keutamaan diberi kepada calon – calon yang mempunyai kemahiran dalam perisian autocad atau pengalaman dalam kerja – kerja nilaian harta tanah.

DESKRIPSI TUGAS

Membantu dan membuat lawatperiksa ke atas pegangan kediaman dan mengukur bangunan tambahan, membuat laporan ukurperiksa, melukis pelan bangunan secara digital / manual, menyedia fail yang lengkap, membuat semakan pengenaan Cukai Taksiran dan memasuk dan mengemaskini data.

D. JAWATAN	:	PEMBANTU TADBIR (P/O)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHID. PENTADBIRAN & SOKONGAN (N)
GREED	:	N 19
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
JUMLAH KEKOSONGAN	:	SATU (1) KEKOSONGAN JAWATAN

SYARAT LANTIKAN :-

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
[Gaji awal bermula pada Gred N19 : RM 1,352.00]; atau
 - b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
[Gaji awal bermula pada Gred N19: RM 1,408.40] ;atau
 - c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji awal bermula pada Gred N19 : RM1,464.80).
 - d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - e) Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer

DESKRIPSI TUGAS

Menjalankan tugas – tugas perkeranian selaras dengan fungsi Jabatan / Bahagian / Unit yang berkenaan seperti tugas – tugas penyelenggaraan fail / dokumen, pengiraan , penyediaan laporan bulanan dan lain – lain arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

PANDUAN PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh diperolehi di Jabatan Khidmat Pengurusan atau muat turun di laman web **MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS** (www.mdcameron.gov.my)
2. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
PETI SURAT 66
39007 TANAH RATA
CAMERON HIGHLANDS
(U.P : BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 21 JANUARI 2020

3. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di **KIRI** sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen – dokumen seperti berikut :-
 - Satu (1) keeping gambar terbaru (tidak dibenarkan gambar yang diimbas atau difotostat);
 - Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang)
 - Salinan Sijil Kelahiran;
 - Salinan Kad Pengenalan Bapa / Ibu;
 - Salinan Sijil – Sijil Persekolahan dan Kelulusan Akademik (Sijil / Diploma / Ijazah) * mana yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon;
 - Dokumen – dokumen sokongan yang lain (jika ada)
4. Semua salinan dokumen diatas hendaklah **DISAHKAN** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional .
5. Permohonan daripada pegawai – pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan – badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing – masing dengan menyertakan salinan Penyata Rekod Perkhidmatan (Untuk Kakitangan Tetap sahaja) yang telah dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
6. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan kemas dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.

CATATAN AM

1. Permohonan akan **DITOLAK** jika borang permohonan :-
 - Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.
 - Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan tidak disahkan.
 - Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 (enam) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.